

NO. SOALAN: 312

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

RUJUKAN : 8028

SOALAN:

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) tentang jumlah orang asing yang masih dipenjarakan sehingga 30 April 2015 dengan nyatakan peratusannya dibanding dengan jumlah banduan negara dan purata jumlah tanggungan setiap banduan asing termasuk kos makanan dan perubatan; dan
- (b) langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan tanggungan ini.

JAWAPAN:

- (a) Statistik Jabatan Penjara pada 30 April 2015 menunjukkan terdapat seramai 52,023 penghuni yang sedang ditahan atau menjalani hukuman di seluruh institusi penjara di mana 17,498 atau 33.6% daripadanya adalah penghuni warganegara asing. Secara purata kos utiliti bagi menguruskan seorang banduan sehari adalah RM35.00. Kos utiliti tersebut melibatkan penyediaan makanan, peralatan, bekalan api, air, perubatan, pembelajaran, pemulihan, komunikasi, elaun serta emolumen kakitangan Jabatan Penjara.
- (b) Di antara langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan tanggungan berkenaan ialah;
- i. Bekerjasama dengan Jabatan Imigresen dan Kedutaan bagi mempercepatkan proses penyediaan dokumen dan penghantaran balik banduan warganegara asing yang telah selesai menjalani hukuman;
 - ii. Bekerjasama dengan pihak mahkamah bagi mempercepatkan proses perbicaraan; dan
 - iii. Melalui penggubalan Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012, Kerajaan mensasarkan agar kategori tertentu banduan warganegara asing yang berada di penjara Malaysia dapat dipindahkan ke negara asal bagi menjalani hukuman dan pemulihan di negara asal mereka. Berdasarkan statistik

terkini, seramai 2,125 banduan warganegara asing pada ketika ini layak dipertimbangkan untuk dipindahkan ke negara asal melalui program ini.